



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 11 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	KEPELBAGAIAN AKTIVITI EKONOMI PERTANIAN TINGKAT HASIL PENDAPATAN, KOSMO -ONLINE MAFI WUJUD UNIT KHAS GALAK ANAK MUDA CEBURI PERTANIAN, HARAKAH DAILY -ONLINE PELBAGAIKAN AKTIVITI PERTANIAN SABAH, NASIONAL, SH -13 BANTU PULIHKAN TANAH TERBIAR, NASIONAL, SH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	SINGAPORE- BOUND BARRELS OF FISH WITH NO EXPORT PERMIT SEIZED BY JOHOR MAQIS, THE STAR -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	BEKALAN AYAM, DAGING DAN KELAPA MENCUKUPI, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	NAFAS JUAL AYAM MURAH BERMULA HARI INI, NEGARA, KOSMO -14	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8.	BANK LAUNCHES ITS FIRST MOBILE ATM SERVICE IN SARAWAK, EVENTS, THE STAR -5	AGROBANK
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	SISA TERNAKAN BABI CEMARI SUNGAI, LAUT, NASIONAL, BH -20 NAJIS BABI JEJAS SUMBER TANGKAPAN, LOKAL, HM -23 SUNGAI DICEMARI NAJIS BABI, NEGERI P.PINANG/PERLIS, SH -28 PIG FARMS POLLUTING PANTAI ACHEH, 300 FISHERMEN CLAIM, NATION/NEWS, NST -13 PASTIKAN HARGA DAGING TERUS KEKAL RENDAH, SUARA SINAR, SH-16 PRICKLY DELIGHTS MAKE A POINT IN RECORDS BOOK, NATION, THE STAR -6 BERSATU NOKTAHKAN MANIPULASI KARTEL DAGING, KOMENTARM BH -11 MODEN PERNIAGAAN KOMUNITI BANTU PEMULIHAN TANAH TERBIAR, RENCANA, BH -12 HARGA BEKALAN DAGING LEMBU MAHAL, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	KOSMO	ONLINE	

Kepelbagaian aktiviti ekonomi pertanian tingkat hasil pendapatan



PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan meningkat lagi usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian di kawasan luar bandar di negeri ini bagi membantu penduduk meningkatkan hasil pendapatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, antara tanaman yang menjadi tumpuan adalah buah-buahan yang dapat mengeluarkan hasil dalam jangka masa pendek,

bernilai komersial dan mampu memberi pulangan yang baik

“Saya akan meminta jabatan dan agensi dibawah MAFI untuk membantu melihat potensi aktiviti ekonomi berasaskan pertanian agar penduduk di kawasan luar bandar dapat merasai pulangan yang lebih cepat seterusnya meningkatkan hasil pendapatan,” katanya.

Sejajar dengan usaha itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata MAFI telah melaksanakan projek perintis tanaman nanas MD2 di Kampung Rungus Beluran melibatkan sebanyak 26,000 pokok yang telah dimulakan pada Januari 2020 dan telah mula mengeluarkan hasil pada April lepas.

“Kita harapkan agar projek perintis tanaman nanas MD2 diusahakan di Kampung Rungus akan dapat mengalakkan pengusaha lain di negeri ini untuk mencebur diri dalam penanaman nanas,” katanya sambil menambah Sabah mempunyai tanah yang luas dan baik boleh diusahakan untuk tanaman nanas.

Beliau berkata nanas merupakan antara buah-buahan yang dieksport secara meluas dari Semenanjung Malaysia dan mendapat sambutan di peringkat antarabangsa.

“Melihat kepada potensi tanaman nanas ini, MAFI dalam usaha mewujudkan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) di Sabah yang telah mendapat kerjasama baik daripada kerajaan negeri Sabah bagi merealisasikan usaha ini,” tambahnya. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI wujud unit khas galak anak muda ceburi pertanian



PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mewujudkan unit khas bagi menarik minat anak-anak muda terbabit dalam sektor pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, anak muda yang berminat akan diberi bantuan dalam bentuk geran, pinjaman dan kursus.

Katanya insentif itu bagi melahirkan anak muda yang berjaya dan mampu berdikari dalam sektor pertanian.

"MAFI berharap anak-anak muda mengambil peluang untuk bergelar usahawan tani dengan mengusahakan tanah-tanah terbiar.

"Sehingga sekarang golongan anak muda yang menceburi sektor pertanian masih di tahap rendah," katanya selepas program menuai tembikai di Projek Tanaman Tembikai Mukim Gelang Mas Dun Tendong hari ini.

Hadir sama Adun Tendong Rozi Muhammad dan Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan Norbahani Zakaria.

Oleh itu beliau berharap anak-anak muda merebut peluang yang disediakan kerajaan dengan mengusahakan tanah-tanah terbiar dengan aktiviti pertanian.

Menurutnya juga mana-mana pihak yang berminat menceburi bidang tersebut diharap dapat memanfaatkan tanah-tanah terbiar melalui dana yang disediakan kerajaan.



"Bagaimanapun inisiatif pemulihan tanah terbiar mesti ada kesungguhan pemilik tanah itu sendiri untuk terus membangunkan tanah milik mereka," katanya.

Sebelum ini MAFI menyasarkan seramai 750 orang agropreneur muda dilahirkan tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Program itu bertujuan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agro makanan seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan agro pelancongan.

Che Abdullah juga berkata, kementerian terbabit membantu seramai 6,969 agropreneur muda dengan nilai sebanyak RM126.23 juta sejak tahun 2016.

"Daripada jumlah itu seramai 6,908 peserta menerima bantuan dalam bentuk geran berjumlah RM121.96 juta.

**“Manakala 61 peserta menerima bantuan dalam bentuk pembiayaan berjumlah RM4.26 juta,”
ujarnya. – HARAKHDAILY 10/5/2021**

Pelbagaikan aktiviti pertanian Sabah

MAFI bantu tingkatan pendapatan penduduk di luar bandar Sabah

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI
SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mempelbagai aktiviti ekonomi berasaskan pertanian di kawasan luar bandar untuk meningkatkan pendapatan penduduk.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ta-

naman yang menjadi tumpuan adalah buah-buahan yang dapat mengeluarkan hasil dalam jangka masa pendek, bernilai komersial dan mampu memberi pulangan yang baik.

"Saya akan meminta jabatan dan agensi di bawah MAFI untuk membantu melibat potensi aktiviti ekonomi berasaskan pertanian agar penduduk di kawasan luar bandar dapat merasai pulangan yang lebih cepat seterusnya meningkatkan hasil pendapatan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini, beliau merasmikan Majlis Terbuka Puasa Bersama Penduduk Kampung Tampat di Paitan, Beluran pada Ahad.

Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata, sejar-



RONALD

dengan usaha itu, MAFI telah melaksanakan projek perintis tanaman nanas MD2 di Kampung Rungus, Beluran sebanyak 26,000 pokok.

"Ia telah dimulakan pada Januari 2020 dan telah mengeluarkan hasil pada April lepas. Kita mengharapkan agar projek perintis tanaman nanas MD2 diusahakan di Kampung Rungus akan dapat menggalakkan pengusaha lain di negeri ini untuk mencebur diri dalam penanaman nanas," katanya.

Ronald berkata, MAFI dalam usaha mewujudkan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia di Sabah yang telah mendapat kerjasama baik daripada kerajaan negeri Sabah bagi merealisasikan usaha itu.

Bantu pulihkan tanah terbiar

PASIR MAS - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedia berkongsi kepakaran yang dimiliki oleh agensi di bawah seliaannya untuk memulihkan semula tanah terbiar bagi tujuan pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, langkah itu merupakan salah satu usaha menggalakkan individu atau kumpulan terutama anak muda berkecimpung dalam bidang pertanian. "Bila berjaya dipulihkan, MAFI berharap individu atau kumpulan terlibat menunjukkan komitmen tinggi sepanjang proses mengusahakan tanah-tanah ini.

"MAFI tidak mahu aktiviti pertanian itu terhenti di pertengahan jalan sahaja selepas menerima bantuan sebaliknya mahu terus kekal berjalannya di sini pada Isnin.



Che Abdullah (kini) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tendong, Rozi Mohamad (dua dari kanan) meninjau projek tanaman tembikai di Pasir Mas pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	THE STAR	ONLINE	

Singapore-bound barrels of fish with no export permit seized by Johor Maqis



JOHOR BARU: An attempt to smuggle almost RM10,000 worth of fish into Singapore was foiled by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis).

Johor Maqis director Hizzuan Hasim said enforcement personnel found six barrels of fish on a lorry bound for the island republic during an inspection at the complex in Tanjung Kupang here at noon on Sunday (May 9).

In total 475kg of fish were seized at Kompleks Sultan Abu Bakar near the Second Link, he said.

"There were eight types of fish in the barrels including tenggiri, kurau, jenahak and kerapu, worth about RM9,960.



"There were no valid export permits to go along with the barrels of fish, which were hidden among other licensed consignments," he said, adding that the 47-year-old lorry driver's statement was recorded before he was released.


He added that it was an offence under Section 11(2) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 [Act 728] to export produce or livestock without a valid export permit from

Maqis, punishable under Section 11(3) of the same Act.

The offence carries a fine of not more than RM100,000 or jail term of not more than six years, or both upon conviction, he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bekalan ayam, daging dan kelapa mencukupi



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan 197 tan bekalan ayam dan daging, selain 4.5 juta biji kelapa khususnya melalui premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sempena Aidilfitri ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya memberi jaminan bekalan keperluan musim perayaan khususnya ayam dan kelapa yang dibekalkan melalui outlet pemasaran FAMA bagi sambutan Aidilfitri adalah mencukupi.

Beliau berkata, 85 Pasar Tani Khas FAMA dibuka di seluruh negara bagi membekalkan barangan segar sempena sambutan Aidilfitri, Khamis ini.

"Jangkaan kuantiti bekalan ayam dan daging di Pasar Tani Khas kali ini sebanyak 197 tan iaitu 131 tan ayam dan 66 tan daging.

"Untuk komoditi seperti ikan, buah-buahan dan sayuran di Pasar Tani Khas Aidilfitri ini juga adalah mencukupi.

"Bagi segmen komoditi kelapa, jangkaan import bagi 2021 meningkat kepada 67 peratus iaitu 18 juta biji berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 12 juta biji.

"Sehingga April lalu, sebanyak 4.5 juta biji diimport FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACorp) bagi tujuan ini dan antara akses pasaran kelapa ini adalah semua outlet FAMA dan outlet pemasaran lain di seluruh negara," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Pada masa sama, Ronald berkata, outlet pemasaran yang terbabit dalam program Pasar Tani Khas ini ialah 59 Pasar Tani, 23 Pasar Tani Kekal dan tiga MyFarm Outlet yang dibuka hingga Rabu ini.

Beliau berkata, keputusan kerajaan memberi kebenaran operasi kepada outlet pemasaran FAMA seperti Pasar Tani Khas ini bagi memastikan pengguna dapat terus mendapatkan bekalan barangan segar sempena Aidilfitri.

"Selain barangan segar seperti daging, ayam dan sayuran, pengguna juga berpeluang mendapatkan bekalan juadah Aidilfitri seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-muih untuk keperluan hari raya," katanya.

Ronald berkata, konsep Pasar Tani Khas ini juga memberi peluang usahawan memasarkan hasil pertanian mereka ketika musim sambutan Aidilfitri yang mendapat permintaan tinggi pengunjung.

Katanya, FAMA juga akan terus memastikan setiap outlet pemasarannya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengekang penularan COVID-19.

"Sehingga April lalu, sebanyak 307 pasar tani aktif beroperasi membabitkan 12,843 usahawan di seluruh negara dan mencatatkan nilai jualan dari Januari hingga April sebanyak kira-kira RM87.5 juta.

"Secara keseluruhan, usahawan pasar tani menggunakan perkhidmatan transaksi tanpa tunai seperti penggunaan Maybank QR-Pay, Touch n Go, Grab Pay dan Boost dalam urusan jual beli," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 30 peratus iaitu 90 daripada 302 lokasi pasar tani membabitkan 61 peratus atau 9,098 orang daripada 12,843 usahawan menggunakan perkhidmatan ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	KOSMO	NEGARA	14

Nafas jual ayam murah bermula hari ini

PETALING JAYA – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan mengadakan promosi jualan ayam murah sempena Aidilfitri selama dua hari bermula hari ini.

Nafas dalam satu kenyataan berkata, jualan murah itu dilakukan dengan kerjasama lapan Pertubuhan Peladang Negeri di beberapa lokasi terpilih.

“Kita akan menjual ayam jenama Peladang seberat 1.2 kilogram (kg) seekor pada harga antara RM5.50 hingga RM6. Ayam potong jenama Peladang-

ku seberat 2 kg pula akan dijual pada harga RM11.

“Setiap pembeli hanya boleh membeli dua pek ayam sahaja bagi membolehkan lebih ramai orang berpeluang menikmati harga promosi ini,” kata kenyataan itu.

Tambahnya, setiap lokasi hanya menjual 2,000 ekor ayam yang terdiri daripada jenis super dan standard yang dijamin bersih, berkualiti dan halal.

Menurut kenyataan itu, ayam super didatangkan tanpa isi perut, kaki dan kepala yang bersih serta sedia untuk dimasak.



AYAM jenama Peladang dijamin halal dan bersih untuk dijual pada harga murah bermula hari ini. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	THE STAR	EVENTS	5



Abang Johari (with black face mask) flagging off a mobile ATM to mark its launch.

Bank launches its first mobile ATM service in Sarawak

AGROBANK launched its first mobile automated teller machine (ATM) in Sarawak and is among the first in Malaysia to provide the service to nine districts in the state's southern region.

Sarawak Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Openg officiated at the launch.

The mobile ATM is part of Agrobank's continuous commitment to support unserved and underserved communities to broaden their access to financing, while supporting initiatives undertaken by Sarawak government and Bank Negara.

Agrobank chairman Datuk Mustapha Buang said Agrobank was committed to supporting Sarawak government's initiatives

towards achieving full financial inclusion that would improve rural communities and support economic growth.

"With the potential development in Sarawak, Agrobank sees a greater need to help drive economic activities.

"We are proud to be among the first banks to provide mobile ATMs to communities in Padawan, Bau, Lundu, Sematan, Lingga, Pantu, Tebedu, Asajaya and Sebuyau," said Mustapha.

"More than 72% of Agrobank branches and kiosks are located in rural areas.

"We believe that comprehensive financial services are powerful tools for a strong and inclusive economic growth. They also help

empower individuals and communities.

"Our efforts can be seen as far back as 1994, when Agrobank launched Patriot Rejang — the first banking service in Malaysia offered on a vessel plying Sungai Rajang — to enable us to reach the local communities of Kapit, Sibu and Belaga," he said.

Agrobank strives to balance its developmental and commercial roles by providing full value chain financing for the agriculture sector, including upstream segment related to primary food and commodities-based agricultural activities as well as downstream activities such as processing, marketing and distribution of agricultural products.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Sisa ternakan babi cemari sungai, laut

CAP mahu pihak berkuasa siasat penternak Pantai Aceh, Kuala Sungai Pinang

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Balik Pulau: Pihak berkuasa diminta menyiasat tindakan pengusaha ternakan babi di Pantai Aceh, di sini yang dipercayai membuang najis ternakan ke sungai dan laut berhampiran.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader, berkata najis babi dari Sungai Sembilang mengalir terus ke laut hingga menimbulkan bau busuk sangat kuat, terutama pada waktu malam sehingga mengganggu aktiviti penangkapan ikan di perairan berkenaan.

Katanya, CAP percaya jika masalah dibiarkan berterusan, ia

boleh menjejaskan alam sekitar, hidupan laut dan sumber pendapatan nelayan dengan lebih serius lagi pada masa akan datang.

"Ikan, udang, ketam, kerang dan siput yang menjadi sumber tangkapan utama mereka sejak turun-temurun sudah semakin berkurangan dan hasil pendapatan nelayan di sini merosot 50 peratus sejak beberapa tahun lalu.

"Menerusi tinjauan CAP yang dibuat di Kuala Sungai Pinang pula, nelayan

mendakwa mereka turut berdepan dengan masalah pembuangan sisa dari kolam ternakan udang berhampiran," katanya menerusi kenyataan semalam.

Menurut Mohideen, kedua-dua tindakan berkenaan boleh menyebabkan air sungai dan laut tercemar sehingga menjejaskan pembiakan hidupan marin serta menjejaskan sumber pendapatan kira-kira 300 nelayan pantai.

Katanya, beratus ekar kawasan hutan paya bakau dari Kuala Jalan Baru hingga Pantai Aceh sudah musnah dijadikan kolam ternakan udang, sekali gus mengancam tempat pembiakan hidupan laut berkenaan.

Sebelum ini, CAP sudah beberapa kali mengemukakan masalah berkenaan kepada pihak berwajib kerana bimbang kesan buruk yang bakal berlaku namun hingga sekarang tidak ada tindakan diambil.

"Sehubungan itu, CAP berharap pihak berkaitan memberi per-

hatian serius mengenai masalah ini kerana kesannya boleh menggugat sektor perikanan dan ekonomi negara.

"Pihak berkuasa juga diminta mendedahkan hasil siasatan dan kajian kepada umum, terutama dalam kalangan nelayan tempatan yang sekian lama dibelenggu perasaan bimbang mengenai nasib masa depan mereka," katanya.



Mohideen Abdul Kader

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	23



Najis babi jejas sumber tangkapan

CAP harap Pulau Pinang peka nasib nelayan Pantai Acheh

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Balik Pulau

Tindakan pengusaha ternakan babi di Pantai Acheh di sini, yang dipercayai membuang sisa najis haiwan itu ke dalam sungai dan laut berhampiran dibimbangi menyumbang berlakunya pencemaran.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader berkata, sisa najis babi dari Sungai Sembilang yang mengalir terus ke laut menimbulkan bau terlaru busuk terutama pada waktu malam

sehingga mengganggu aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan di perairan itu.

Katanya, CAP percaya jika masalah itu dibiarkan berterusan, ia boleh menjejaskan alam sekitar, hidupan laut dan sumber pendapatan nelayan dengan lebih serius pada masa akan datang.

"Ikan, udang, ketam, kerang dan siput yang menjadi sumber tangkapan utama sejak turun-temurun sudah berkurangan dan hasil pendapatan nelayan merosot sebanyak 50 peratus sejak

beberapa tahun lalu.

"Dalam tinjauan CAP di Kuala Sungai Pinang pula, nelayan mendakwa mereka turut berdepan dengan masalah pembuangan

sisa dari kolam ternakan udang berhampiran," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Menurutnya, kedua-dua tindakan itu boleh menyebabkan air sungai dan laut tercemar sehingga menjejaskan pembiakan hidupan marin serta menjejaskan sumber pendapatan kira-kira 300 nelayan pantai.

ra 300 nelayan pantai.

Katanya, ratusan ekar kawasan hutan paya bakau dari Kuala Jalan Baru hingga Pantai Acheh sudah musnah dijadikan kolam ternakan udang sekali gus mengancam tempat pembiakan hidupan laut berkenaan.

"CAP sudah beberapa kali mengemukakan masalah berkenaan kepada pihak berwajib kerana bimbang kesan buruk yang bakal berlaku.

"Justeru, CAP berharap pihak berkaitan memberi perhatian serius kerana kesannya boleh menggugat sektor perikanan dan ekonomi negara," katanya.

"Air sungai dan laut tercemar menjejaskan pembiakan hidupan marin"

Mohideen

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	SINAR HARIAN	P.PINANG/ PERAK	28

Sungai dicemari najis babi

CAP gesa pihak berkuasa
segera siasat elak
berlaku pencemaran

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa menyiasat tindakan pengusaha ternakan babi di Pantai Acheh di sini yang dipercayai membuang najis ternakan ke sungai dan laut berhampiran.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, pihak berkuasa perlu bertindak segera kerana tindakan itu menjadi salah satu penyumbang kepada pencemaran sungai dan laut yang berlaku di kawasan tersebut pada waktu ini.

Beliau berkata, tinjauan di Kuala Sungai Pinang mendapati selain pencemaran najis babi, nelayan di kawasan tersebut turut berdepan dengan masalah pembuangan sisa kolam ternakan udang.

"Kedua-dua kejadian ini dibimbangi menyebabkan air sungai dan laut tercemar sehingga menjejaskan pembiakan hidupan laut. Ia juga menjejaskan sumber pendapatan kira-kira 300 nelayan pantai di kawasan berkenaan.

"Hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan siput yang menjadi sum-



Sisa najis babi yang terdapat dalam Sungai Sembilang, Pantai Acheh di Balik Pulau.

ber tangkapan utama mereka sejak turun-temurun telah berkurangan. Hasil pendapatan nelayan juga merosot sehingga 50 peratus setiap kali turun ke laut sejak beberapa tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, beratus hektar kawasan hutan paya bakau dari Kuala Jalan Baru sehingga Pantai Acheh telah musnah kerana dijadikan kolam untuk ternakan udang yang mana ia mengancam tempat pembiakan hidupan laut.

"Sebelum ini CAP telah beberapa kali mengemukakan masalah tersebut kepada pihak berwajib kerana bimbang kesan buruk yang berlaku, namun hingga sekarang tiada tindakan berkesan diambil. Di Pantai Acheh, sisa najis babi mengalir dari Sungai Sembilang terus ke laut.

"Keadaan ini menyebabkan bau

busuk yang sangat kuat terutamanya pada waktu malam sehingga mengganggu aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan di perairan itu," katanya.

Mohideen berkata, pihaknya percaya jika masalah itu dibiarkan ia boleh menjejaskan alam sekitar, hidupan laut dan sumber pendapatan nelayan dengan lebih serius pada masa akan datang.

"CAP berharap pihak berkaitan memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kesannya lama kelamaan boleh menggugat sektor perikanan dan ekonomi negara.

"Kita meminta hasil siasatan dan kajian mengenai masalah ini didekahkan kepada umum terutamanya kalangan nelayan tempatan yang sekian lama dibelenggu perasaan bimbang mengenai nasib masa depan mereka," katanya.

11/5/2021

NST

NATION/NEWS

13

LIVELIHOODS AFFECTED

Pig farms polluting Pantai Acheh, 300 fishermen claim

BALIK PULAU: Some 300 inshore fishermen are claiming that pig-farming activities in Pantai Acheh here have affected marine life and their livelihoods.

The fishermen claimed that their income had dropped by 50 per cent after the area, which was once teeming with fishes, prawns, crabs and clams, was plagued by pollution in recent years.

At their wits' end, the fishermen sought help from the Consumers' Association of Penang (CAP).

CAP president Mohideen Abdul Kader urged the Department of Environment,

the Fisheries Department, the Veterinary Services Department and the Drainage and Irrigation Department to investigate the fishermen's claims that pig-farming activities in Pantai

Acheh had polluted nearby rivers and sea.

Checks at the site showed that water discharged into Sungai Sembilang and subsequently into the sea emanated a foul stench,

believed to be from swine manure from the Pantai Acheh pig farms.

Mohideen said waste from prawn-farming activities also further compounded the situation.

"These two activities have polluted the nearby river and sea, resulting in dwindling marine life which has affected the livelihoods of 300 fishermen there."

Hundreds of hectares of mangrove forests from Kuala Jalan Baru until Pantai Acheh were also destroyed to make way for prawn farms. Prior to this, CAP had raised the issue with the relevant authorities for fear of negative ef-



The location of the pig farm that is believed to have dumped pig manure into Sungai Sembilang, which flows out to Pantai Acheh in Balik Pulau, Penang. PIC COURTESY OF CONSUMERS' ASSOCIATION OF PENANG

fects but no action has been taken to date," he said.

CAP believed that if the problem was left unresolved, it would seriously threaten the environment, marine life and livelihoods of fishermen in the future.

"We hope the authorities will pay serious attention to this as the long-term effects will have

negative repercussions. We also want the results of the probe to be made known to the public, especially the fishermen, who have been enduring a nightmare all this while," Mohideen added.

The *New Straits Times* previously reported that pig farms operating in Kampung Selamat, Tasek Gelugor had been blamed

for polluting the nearby Sungai Kreh for the past 40 years.

There are at least 74 pig farms in the area with more than 100,000 pigs being reared.

The Penang Drainage and Irrigation Department said Sungai Kreh remains a "Class V" dead river, which means it is heavily polluted with no water flow.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

MERAK Jalanan gembira apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) menetapkan harga daging tempatan pada kadar RM34 mengikut Skim Harga Maksimum Musim Peraan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Dapatlah rakyat Malaysia makan daging pada harga yang lebih rendah menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti.

Tetapi beberapa hari sebelum itu, sesak nafas juga apabila terdapat la-

poran mengenai permintaan penternak dan peniaga daging yang mahu menjual daging tempatan pada harga siling lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ini kerana mereka mendakwa harga siling RM34 sekilogram yang ditetapkan dalam SHMMP adalah harga kos yang menyebabkan peniaga kerugian.

Menurut penternak dan peniaga, harga siling yang sesuai pada masa ini ialah antara RM38 hingga RM42 se-

kilogram.

Sinar Harian sebelum ini pernah melaporkan keluhan para penternak yang sebelum ini mengatakan harga bahan makanan untuk haiwan tersebut meningkat tinggi sejak lebih enam bulan lalu.

Mereka meramalkan harga daging boleh mencecah sehingga RM52 sekilogram.

Masalah harga makanan yang tinggi itu nampaknya masih belum selesai sampai sekarang, tetapi harga

Pastikan harga daging terus kekal rendah

jualan daging berjaya diturunkan menerusi pelaksanaan SHMMP.

Timbul suara sinis yang mempersoalkan bagaimana Kementerian boleh menurunkan harga daging tetapi masih gagal untuk menurunkan harga makanan haiwan tersebut yang sudah lama berlarutan.

Merak Jalanan berharap isu harga daging perlu jadi perhatian penting kerana sebagai pengguna, kita mahu agar harga daging terus kekal rendah dan mampu beli.

Prickly delights make a point in records book

By YEE XIANG YUN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Amid the pandemic, the famed delights of Pekan Nanas seem out of reach as the town is a half-hour drive from here.

But there is a shortcut to enjoying freshly-cut pineapples or the dried fruit.

Inspired by Pekan Nanas, Paradigm Mall's 507.2 sq m Hari Raya installation features a "farm" with 224 replicas of pineapple plants.

The display, in collaboration with Tourism Johor, entered the Malaysia Book of Records for the largest pineapple Raya decoration.

WGT Malls Management chief executive officer Selena Chua, who received the certificate from Malaysia Book of Records' director of business development Jwan Heah Yeow Hooi, said the decor was in line with this year's theme, "Raya di Desa" (Raya in the village).

"The kampung scenery is our way of showing support for Johor's tourism industry and honouring local farmers who, like many others, face setbacks from the prolonged rainy weather in addition to the pandemic.

"These factors have slowed down production for farmers, especially in meeting demand during the festive season," she said.

Chua said the indoor farm showcased information about pineapples and the sale of pineapple-based products by local entrepreneurs.



Fruiting in town: The indoor farm display, which made it into the Malaysia Book of Records for the largest pineapple Raya decoration, is themed "Raya di Desa".

the mall's initiative was not only to drive traffic to the mall but also to educate the public about the state's agro-tourism attractions.

"We want the public to support local products. We aim to revive the industry and enable a stable income for the community after facing the pandemic for over a year," he added.

The indoor farm will be displayed at the ground floor atrium until May 23.

"Visitors can sample fresh-cut pineapples or the dried MD2 variety, and buy festive cookies, clothes and decorations," she said.

The mall also lined up activities such as wau crafting, Hari Raya greeting card-making, ketupat-weaving workshops and traditional performances for shoppers, she said.

Tourism Johor senior assistant director Muhammad Amirul Ardy Abdul Rahim said

11/5/2021

BERITA KOMENTAR

11

HARIAN

Bersatu noktahkan manipulasi kartel daging

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Mohd Faizal Kamarudin
bhrencana@bh.com.my

Beberapa hari sahaja lagi umat Islam seluruh dunia akan menyambut Aidilfitri. Walaupun masih dalam fasa memerangi pandemik, kita tidak lari memikirkan juadah yang hendak disediakan di pagi raya. Juadah lazim selain ketupat dan kuih raya, termasuklah juga makanan berasaskan daging lembu seperti rendang.

Menventuh berkenaan daging, pasti ramai bercakap sama ada hendak menggunakan daging lembu tempatan atau import. Masing-masing mempunyai hujah tersendiri. Ini termasuk dari segi jenis, harga, rasa dan kesegaran daging lembu itu.

Namun, apabila bercakap mengenai daging import, isu sentiasa berlegar di fikiran status halal daging lembu diimport. Daging lembu import popular di pasaran Malaysia kebanyakannya datang dari negara seperti Australia dan India.

Situasi ini bertambah rumit apabila negara digemparkan isu kartel daging pada hujung 2020. Isu kartel daging yang terpalit mendedahkan sindiket terancang membabitkan pelbagai pihak dalam dan luar negara.

Daging yang tidak sah status halalnya dibawa masuk ke negara kita. Melalui sindiket, daging yang diragui ini dijual sebagai daging halal. Daging ini dikatakan dibawa masuk antaranya dari Kanada,

Colombia, Sepanyol, China dan Mexico. Nilai seluruh ini mencecah RM1.5 juta sebulan.

Ini menimbulkan keraguan khususnya kepada umat Islam dan mereka yang menggemari daging halal. Pembeli dan penggemar daging import sudah mula hilang keyakinan. Malah, banyak perniagaan berasaskan makanan terkesan akibat pendedahan ini.

Merujuk penulisan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) disiarkan Muka Sepuluh BH pada 5 Mei lalu, masalah ketirisan sehingga membabitkan kes rasuah, boleh dibendung dengan menggunakan pendekatan lebih sistematis dan holistik.

Skandal kartel daging ini boleh diatasi dengan ker-



Daging yang tidak sah status halal menimbulkan keraguan khususnya kepada umat Islam. (Foto hiasan)

jasama serta pembabitkan aktif semua pemegang taruh dalam industri halal dan daging import.

Untuk makluman, industri halal dan daging import membabitkan banyak pemegang taruh, termasuk pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pengimport, pengeksport, operator pelabuhan, badan pensijilan luar negara, persatuan pengguna serta persatuan pengusah.

Kita sebagai pengguna juga pemegang taruh yang mempunyai hak dalam perkara ini. Seperti mana digariskan Edward Freeman (1984) dalam teori pemegang taruh, prinsip kejayaan atau kegagalan sesuatu entiti bergantung kepada semua pihak terbabit.

Justeru, semua pemegang taruh dalam industri daging import halal mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Amat penting jika tanggungjawab diberikan digalas sepenuhnya dengan penuh keiktizaman.

Kegagalan atau kealpaan memegang amanah, disamping dibutai habuan lumayan, menyebabkan ada cuba menangkuk di air keruh. Masakan tidak, industri daging halal amat lumayan bukan sahaja di Malaysia, bahkan seluruh dunia.

Realitinya, semua pemegang taruh dalam industri daging import halal di negara ini perlu menjalankan tanggungjawab dengan penuh keiktizaman. Jangan sesekali memilih lorong gelap demi keuntungan masa pendek.

Sesuai semangat Ramadan, kita harus menempa lembaran baharu dengan menzahirkan komitmen penuh untuk menoktahkan isu kartel daging ini.

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Model perniagaan komuniti bantu pemulihan tanah terbiar



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Pengurusan
Hartanah Universiti
Teknologi MARA
(UTM) Shah Alam



Pensyarah Kanan
Jabatan Hartanah,
Universiti Teknologi
Malaysia (UTM)
Skudai

Oleh Dr Anis Syazwani Sukereman
dan Dr Aminah Mohsin
bhrencana@bh.com.my

Masalah tanah terbiar terus menjadi perhatian umum memandangkan statistiknya masih mencecah ratusan hektar khususnya di negara ini.

Kerajaan dengan pembabitian pelbagai kementerian serta industri menyediakan pelbagai inisiatif untuk menyelesaikan isu ini.

Antaranya, seperti program penyewaan tanah terbiar, usaha sama pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO), merampas atau sita tanah dan juga pemberian geran (dana) bagi program pemulihan tanah terbiar.

Namun, keberkesanan program pemulihan yang dilaksanakan tidak begitu memberangsangkan apabila statistik peratusan tanah terbiar masih kekal tinggi. Pemberian dana dalam sesuatu projek pula kebanyakannya bersifat 'sekali gus' di mana ia berlandaskan satu tempoh saja.

Justeru, usai sesuatu projek pembangunan tanah terbiar dilaksanakan, impak keberkesannya hanya sekerat jalan dan tidak mampu membawa keuntungan jangka masa panjang yang berterusan.

Seharusnya, konsep perkongsian ilmu pendidikan, penyelidikan serta latihan

mengenai sesuatu aspek dalam pembangunan projek menerusi Model Perniagaan Komuniti perlu ditekankan kepada masyarakat bagi memastikan pemindahan ilmu dan praktis yang berterusan.

Dalam usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara akibat kesan pandemik, galakan terhadap komuniti untuk memajukan tanah terbiar di sekitar mereka khususnya daripada sektor pertanian dan penternakan disambut baik.

Buktinya, kerajaan Negeri Sembilan melancarkan sekitar awal 2021, lebih 200 permohonan daripada petani dan pengusaha terutama golongan muda yang berminat mengusahakan tanah terbiar.

Ia bukan saja membantu membangunkan sosio ekonomi masyarakat, malah secara tidak langsung memastikan jaminan pengeluaran produk pertanian dan asas tani mencukupi untuk negara.

Justeru, bagi belia yang terkesan dengan pandemik - dengan galakan kerajaan dan sinergi bersama pihak industri - sekarang masa yang tepat untuk memajukan sektor pertanian dan mengorak langkah mencapai kejayaan. Pulangan hasil pertanian kini mampu mencecah tiga hingga empat kali ganda.

Pembabitian komuniti memajukan tanah secara kerjasama lebih praktikal demi meningkatkan taraf hidup mereka sendiri.

Pemulihan tanah terbiar berasaskan Model Perniagaan Komuniti merujuk sekeping tanah persendirian atau awam yang diselenggara komuniti secara berkumpulan di kawasan sekitar mereka.

Model ini boleh disasarkan sama ada berasaskan keuntungan atau sebaliknya, kerana pembabitannya secara tidak langsung akan meningkatkan sosial ekonomi setempat.

Perniagaan komuniti bergantung sepenuhnya kepada komuniti untuk memasarkan, mencari pelanggan dan menjana pendapatan mereka.

Komuniti boleh memajukannya melalui pelaburan sendiri dengan menubuhkan persatuan atau kelab tersendiri. Pilihan lain, bekerjasama dengan syarikat termasuk koperasi, majlis belia dan sebagainya bagi merancang pengisian tanah terbiar sama ada secara bersama atau mengikut plot individu masing-masing.

Kejayaan Model Perniagaan Komuniti dalam membantu membangunkan tanah terbiar hanya dapat dicapai dengan gabungan proaktif dan konsisten empat entiti penting iaitu universiti,

agensi kerajaan, pihak industri dan komuniti.

Elemen terpenting dalam model ini adalah menekankan aspek pemindahan ilmu, contohnya daripada universiti kepada komuniti.

Pemindahan ilmu hasil penyelidikan pensyarah di universiti, yang mana pensyarah akan turun padang mengajar dan berkongsi ilmu dengan komuniti dalam sesuatu projek pembangunan tanah terbiar.

Diakui, peranan universiti dalam mengeluarkan output penyelidikan seperti penerbitan jurnal, petikan dan paten amat penting. Namun, hasil sebenar penyelidikan adalah daripada nilai dan kekayaan yang boleh menjana fungsi pengkomersialan.

Justeru, melalui model perniagaan komuniti ini, hasil penyelidikan dapat dipakej merangkumi inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan daripada kolaborasi industri dan kerajaan yang akhirnya memberi manfaat kepada komuniti itu sendiri.

Matlamat ingin dicapai menerusi Model Perniagaan Komuniti adalah memastikan sesuatu projek pembangunan tanah terbiar dapat terus dilaksanakan tanpa berhenti sekerat jalan dengan jaminan janaan pendapatan secara konsisten kepada komuniti.

Begitu jugalah dengan perkongsian ilmu daripada industri kepada komuniti, kerajaan kepada universiti ataupun komuniti kepada universiti berdasarkan peranan, kekuatan dan gabungan kepakaran masing-masing.

Komuniti boleh membangunkan tanah terbiar sama ada dengan aktiviti pertanian atau penternakan, demi memastikan kadar tahap sara diri (SSL) terus meningkat dan negara tidak bergantung kepada sumber import sekiranya terus berdepan dengan kesukaran yang tidak boleh dijangka seperti kesan COVID-19.

Pelbagai jenis tanaman jangka pendek dan mempunyai nilai pasaran tinggi boleh ditumpukan melalui konsep pengeluaran makanan utama (agro makanan) bersama-sama konsep tanaman industri secara besar-besaran.

Penyelidikan berasaskan konsep zero-waste atau sifar sisa daripada hasil aktiviti pertanian perlu diperbanyakan bagi kelangsungan ekonomi.

Dengan penyelidikan, apa yang kita lihat sebagai sampah pertanian, mampu menghasilkan sesuatu produk bernilai.

Keperluan tinggi menggalakkan lebih banyak komuniti menghasilkan produk untuk syarikat tempatan. Apabila produktiviti meningkat, pendapatan komuniti juga akan meningkat.

Secara tidak langsung inisiatif model ini juga dapat membantu isu pengangguran negara. Inilah sasaran utama 'Model Perniagaan Komuniti' ini.

Walaupun pelaksanaannya tertakluk syarat dikeluarkan pihak berkuasa seperti keluasan kawasan dibenarkan, jenis tanaman dan ternakan, pengurusan dan penyelenggaraan tanaman dan ternakan, namun dengan pemindahan ilmu, perkongsian khidmat rundingan dan latihan yang diberikan kepada komuniti setempat akan mampu memberi pelbagai manfaat jangka masa panjang kepada pemilik tanah.

Keutamaan adalah bagaimana peranan, pembabitian dan usaha empat entiti utama iaitu universiti, agensi kerajaan, pihak industri dan komuniti membantu membangunkan tanah terbiar dan mengembalikan fungsi ekonomik tanah untuk kekal produktif.

Berbudi kepada tanah pasti akan mendapat hasilnya.

Pemulihan tanah terbiar berasaskan Model Perniagaan Komuniti merujuk sekeping tanah persendirian atau awam yang diselenggara komuniti secara berkumpulan di kawasan sekitar mereka



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2021	KOSMO	NEGARA	7

Peniaga merungut ekor ungun jualan mereka hanya RM2 sekilogram

Harga bekalan daging lembu mahal

Oleh **TENGKU DANISH BAHRI**
TENGKU YUSOFF ROSLIZA
MOHAMED ISWAN SHAFIQ ISA
dan **SITI NUR MAS ERAH AMRAN**

KUALA TERENGGANU – Walaupun sekadar memperoleh keuntungan serendah RM2, peniaga di Pasar Chabang Tiga di sini akur dengan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri yang telah menetapkan harga siling daging lembu pada RM34 sekilogram.

Tinjauan Kosmo di pasar tersebut mendapati rata-rata peniaga menjual daging lembu pada harga antara RM32 hingga RM34 sekilogram.

Seorang peniaga, Abdullah Omar, 41, berkata, dia mendapatkan bekalan daging lembu segar daripada pemborong pada harga RM30 sekilogram.

"Walaupun margin keuntungan tidak begitu besar seperti dahulu, saya bersyukur masih memperoleh keuntungan daripada jualan daging lembu."

"Apatah lagi, jualan daging lembu meningkat pada hujung minggu lalu apabila saya boleh menjual dua ekor lembu sehari," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Seorang lagi peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Azman, 36, pula risau momentum penjualan daging lembu terencat ekoran larangan rentas daerah yang berkuat kuasa kelmarin.

"Dengan arahan rentas daerah dan negeri yang tidak dibenarkan mungkin boleh menyebabkan permintaan daging lembu merosot kerana tidak banyak lagi juadah yang perlu disediakan," katanya.

Di **Kelantan**, harga daging lembu tempatan di kebanyakan tempat di sini juga masih dijual pada harga antara RM32 hingga RM34 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu mendapati, rata-rata peniaga masih menjual daging lembu tempatan pada harga tersebut, manakala tulang lembu pula RM27 sekilogram.

Seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Lan, 32, berkata, dia menjual daging mengikut harga kawalan yang ditetapkan.

"Saya dan peniaga lain masih menjual daging lembu tempatan pada harga seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Rihwal Pengguna (KPDNHEP)."

"Memang untung kami hanya RM2 sekilogram, saya mengambil bekalan daging tempatan itu pada harga RM30 sekilogram dan dijual antara RM32 hingga RM34 sekilogram," katanya.

Menurutnya, peniaga di Pasar Siti Khadijah tidak berani meletakkan harga barangan sekuat hati kerana pihak KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan.

Di **Pulau Pinang**, keblimbangan yang dihadapi oleh peniaga daging di negeri ini adalah berkenaan dengan stok bahan mentah itu yang semakin sukar untuk diperolehi.

Seorang penjual daging, Mohd. Farid Ismail, 40, berkata, masalah utama yang dihadapi mereka ketika ini bukan dari segi penetapan harga, sebaliknya melibatkan stok atau bekalan daging berkenaan di pasaran.

"Permintaan terhadap daging tinggi, tapi stok masih kurang. Sebenarnya saya berdepan dengan masalah ini sejak permulaan puasa lagi dan sudah menjangkakan bahawa masalah ini akan timbul juga sebelum hari raya," katanya.

Sementara itu, harga daging lembu tempatan yang dijual di beberapa pasar di Pulau Pinang masih lagi kekal dengan harga



SEORANG penjual daging, Mohamad Nor sedang memotong daging lembu jualan di Alor Setar semalam.

yang ditetapkan pihak kerajaan. Seorang peniaga di Pasar Awam Seberang Jaya di sini yang hanya ingin dikenali sebagai Husin berkata, sepatutnya harga perlu dinaikkan sedikit, bukan untuk 'menekan' pelanggan, sebaliknya untuk menampung modal yang sudah dikeluarkan peniaga.

"Kami tidak mempunyai pilihan dan perlu akur dengan arahan kerajaan, namun berharap agar harga dinaikkan sedikit kerana harga yang dikenakan oleh pembekal juga meningkat."

"Kami harap harga siling dapat dinaikkan sedikit kepada RM40," katanya.



HARGA daging lembu tempatan masih dijual pada harga RM32 hingga RM34 sekilogram di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.